



UNIT KERJASAMA AWAM SWASTA
JABATAN PERDANA MENTERI

KERATAN AKHBAR

AKHBAR : UTUSAN MALAYSIA

TARIKH : MEI / 2 / 2024

M/S : 1&3

Berkuat kuasa 1 Disember, libatkan implikasi kewangan RM10 bilion

Gaji penjawat awam naik lebih 13 peratus

Oleh MAISARAH SHEIKH RAHIM
dan MOHD HUSNI MOHD NOOR
Utusannews@putrajaya.com.my

PUTRAJAYA: Berita baik kepada 1.6 juta penjawat awam apabila Datuk Seri Anwar Ibrahim semalam mengumumkan kenaikan gaji kepada golongan tersebut lebih 13 peratus berkuat kuasa 1 Disember tahun ini.

Perdana Menteri mengumumkan perkara itu pada sambutan Hari Pekerja

2024 di sini dan berkata, kenaikan tersebut adalah yang tertinggi dalam sejarah selepas 12 tahun tiada penambahbaikan dilaksanakan untuk penjawat awam.

"Pada masa ini pendapatan menyeluruh minimum adalah pada kadar RM1,765. Saya setuju tak munasabah.

"Maka tahun ini kriteria ukuran baru sistem saraan iaitu pendapatan menyeluruh gaji dan elaun tetap mesti lebih RM2,000," kata Anwar ketika menyampaikan amanat di hadapan lebih 3,000

pekerja pelbagai sektor di negara ini di sini semalam.

Menurut beliau, pendapatan minimum penjawat awam beserta elaun ditetapkan selepas 1 Disember pada kadar RM2,000 melibatkan implikasi kewangan kerajaan berjumlah RM10 bilion.

Beliau berkata, kenaikan tersebut adalah antara keputusan kajian Sistem Saran Perkhidmatan Awam (SSPA).

Bersambung di muka 3



Tokoh pekerja

ANWAR Ibrahim berhad dengan penerima Tokoh Pekerja Negara, Prof. Dr. Zaidi Embong pada Majlis Sambutan Hari Pekerja Peringkat Kebangsaan 2024 di Pusat Konvensyen Antarabangsa Putrajaya (PICC) di Putrajaya semalam. - UTUSAN/ FAISOL MUSTAFA

Gaji penjawat awam naik lebih 13 peratus

Dari muka 1

Menurut Anwar, Kerajaan Sabah dan Sarawak turut bersejajar membuat pindaan ke atas Ordinan Buruh Sabah (Ordinan Cap.67) dan Sarawak (Ordinan Bab 76) untuk diselaraskan dengan Akta Kerja 1955 yang terpakai di Semenanjung Malaysia.

Pada masa sama, Anwar mahu sektor swasta yang mencatat keuntungan tinggi untuk memberikan layanan sama kepada pekerja dengan menawarkan kadar upah lebih baik mengambil kira pengumuman kerajaan kepada penjawat awam.

Dalam pada itu, Perdana Menteri meminta agar golongan pekerja sentiasa bangkit dan melawan pihak sengaja melaga-lagakan serta merendahkan darjat sesiapa.

Katanya, tindakan pihak menghina kaum, agama selain menafikan hak rakyat tidak pa-

tut dilayan.

Kata beliau, perincian lanjut berhubung kenaikan gaji penjawat awam di bawah SSPA akan dibentangkan sepenuhnya pada Belanjawan 2025 yang dijangka Oktober ini.

Sementara itu dalam program 'Soal Jawab Perdana Menteri' bersama empat stesen televisyen tempatan malam tadi, Anwar berkata, kenaikan gaji penjawat awam itu adalah usaha untuk mengimbangi pendapatan antara pekerja gred rendah dan tinggi, kata Perdana Menteri Datuk Seri Anwar Ibrahim.

Katanya, berbeza dengan pendekatan pentadbiran sebelum ini, pengumuman yang dibuatnya hari ini bertujuan menaikkan pendapatan kelompok bergaji rendah dan mengurangkan kenaikan di kelompok yang bergaji tinggi.

"Bagi kalangan yang (bergaji) rendah mungkin cecah 25 hingga 30 peratus.

"Saya utamakan kelompok (bergaji) rendah dan kurangkan di kelompok yang tinggi.

"Walaupun pernah diperkenal dulu 35 peratus, tapi itu daripada gred 1 hingga gred 16, tapi secara keseluruhannya ini masih antara yang paling tinggi dengan kos yang sangat tinggi mencecah lebih RM10 bilion.

"Diharap ini mendorong penjawat awam kerja lebih gigih, hentikan lembab, malas dan ketirisan. Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia (SPRM), polis dan Lembaga Hasil Dalam Negeri, kena lebih tegas mengawal kalau ada kecelaruan atau ketirisan di jabatan kerajaan.

"Semua kementerian kena pantau supaya mulai bulan ini kita lihat peningkatan dalam semua aspek, jangan rakyat tunggu berjam-jam, tunggu kelulusan lesen lama, kena cekap kena ada perubahan, saya harap sesuatu yang lebih baik," katanya.

Anwar berkata di bawah

SSPA yang sedang diperincikan, kerajaan juga akan meningkatkan gaji bagi memastikan jumlah pendapatan minimum penjawat awam melebihi RM2,000 sebulan, berbanding pada masa ini gaji dan elaun tetap penjawat awam RM1,795 sebulan.

Sementara itu, Jurucakap Kerajaan Perpaduan, Fahmi Fadzil berkata, pengumuman mengenai pelarasan gaji yang menyaksikan kenaikan melebihi 13 peratus itu akan diperincikan pada Belanjawan 2025 yang akan dibentangkan Oktober.

"Menjadi komitmen Kerajaan Madani (peningkatan gaji) adalah lebih tinggi daripada itu," katanya selepas sambutan Hari Pekerja 2024 di sini.

Pada masa sama, katanya, Perdana Menteri turut memberi komitmen kepada pekerja swasta mengenai projek rintis dasar gaji progresif membabitkan 1,000 syarikat tempatan yang akan bermula Jun ini.